

Headline	Dedah murid aspek keselamatan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Apr 2014	Language	Malay
Circulation	407,786	Readership	3,351,000
Section	Setempat	Color	Full Color
Page No	50	ArticleSize	240 cm ²
AdValue	RM 8,864	PR Value	RM 26,591



Dedah murid aspek keselamatan

Gombak: Penuntut Program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) Universiti Utara Malaysia (UUM) PACE Kuala Lumpur mengambil inisiatif menganjurkan aktiviti di Sekolah Rendah Selayang Utama dengan tema 'Adakah Anak Kita Selamat' bertujuan memberi pendedahan berkaitan kepentingan menjaga keselamatan diri.

Program yang berlangsung Rabu lalu bermula dari jam 7.30 hingga 1.30 tengah hari itu disertai 68 sekolah sekitar Daerah Gombak membabitkan seramai 340 murid sekolah dan 68 guru pengiring.

Pengarah Program Mohd Hasnizam Md Daud berkata, program ini diadakan bagi memberi pendedahan asas keselamatan dan jenayah yang mungkin berlaku kepada mereka serta mengenal pasti tindakan awal yang boleh dilakukan bagi mengelakkan kejadian tidak diingini.

Menurutnya, terdapat empat modul digunakan pihaknya pada program itu yang turut mendapat kerjasama daripada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Gombak, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Pertubuhan Seni Silat Sendeng Malaysia.

"Bagi modul pertama, peserta program diberi ceramah berkaitan keselamatan oleh pihak polis berkaitan ancaman sepanjang perjalanan dari rumah ke sekolah, ketika berada di sekolah sehingga selamat tiba di rumah dan langkah perlu diambil untuk mengelakkannya daripada berlaku.



PELAJAR disoal mengenai pengetahuan mereka berkaitan keselamatan.

"Seterusnya dalam modul kedua pula membabitkan aktiviti bela diri iaitu mereka akan didedahkan dengan beberapa teknik mudah melepas dan melarikan diri apabila berlaku kecederaan," katanya.

Hasnizam berkata, seterusnya peserta didedahkan dengan tindakan yang perlu diambil mereka apabila berdepan dengan bencana di sekolah atau di luar.

"Sebagai contoh jika berlaku kebakaran atau ribut petir, apa yang perlu dilakukan mereka bagi mengelakkan daripada menjadi mangsa.

"Selain itu, peserta juga diajar bagaimana untuk membantu jika

rakan mengalami kecederaan ringan sementara menunggu bantuan," katanya.

Menurutnya, modul terakhir pula lebih kepada pendedahan mengenai ancaman bahaya yang mungkin berlaku di sekitar kawasan sekolah.

"Peserta juga dibahagikan kepada empat kumpulan dan mereka dibawa mengelilingi kawasan sekolah serta diminta meletakkan tanda amaran bahaya di kawasan yang sudah dikenal pasti.

"Tujuannya untuk memberi pengetahuan kepada mereka supaya menyedari ancaman seterusnya dapat mewujudkan persekitaran selamat," katanya.